

10/02/1997

Umat Islam penuh masjid, surau

KUALA LUMPUR, Ahad - Umat Islam memenuhi masjid dan surau untuk menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri hari ini sebelum menziarahi saudara mara.

Di ibu negara, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agung Tuanku Najihah dengan diiringi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Negara bersama rakyat.

Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali sebelum itu menghadap Seri Paduka berdua di Istana Negara pada jam 8.15 pagi.

Tuanku Ja'afar dan Tuanku Najihah juga menerima menghadap Jemaah Menteri, Duta-duta dan tetamu kehormat di Istana Negara.

Turut bersembahyang di Masjid Negara ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berserta isteri dan orang-orang kenamaan.

Seri Paduka kemudian meraikan pembesar dan orang kenamaan termasuk perwakilan di majlis rumah terbuka di Istana Negara mulai jam 10.30 pagi.

Di JOHOR BAHRU, Sultan Johor mengetuai kira-kira 4,500 umat Islam di negeri ini menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri di Masjid Sultan Abu Bakar, di sini pagi tadi.

Turut sama ialah Tengku Mahkota Johor; Tengku Bendahara; Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, anggota Exco kerajaan negeri dan ketua-ketua jabatan.

Sultan Johor juga mengadakan rumah terbuka di Istana Besar yang dikunjungi lebih 2,000 orang termasuk Abdul Ghani dan isteri, Datin Prof Jamilah Ariffin serta dua anak mereka.

Di ALOR STAR, Sultan dan Sultanah Kedah turut menunaikan solat sunat Aidilfitri bersama beratus umat Islam di Masjid Zahir di sini, pagi ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Sanusi Junid dan beberapa Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri turut hadir.

Selepas menunaikan solat, Sultan mengadakan rumah terbuka di Istana Anak Bukit, manakala Menteri Besar di Mentalon.

Di KOTA BHARU, Sultan Kelantan dan Raja Perempuan menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Negeri (Masjid Muhammadi), di sini, bersama beribu-ribu rakyat daripada segenap lapisan dan peringkat.

Turut sama ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa; Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, wakil rakyat Barisan Nasional (BN) serta pegawai kanan kerajaan negeri dan Persekutuan.

Sultan turut berkenan menerima menghadap rakyat daripada pelbagai peringkat di Istana Balai Besar selepas menziarahi Makam Diraja Langgar, dekat sini.

Teks khutbah disediakan oleh Bahagian Agama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik).

Kelihatan hanya seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) daripada Pas, iaitu Yahya Othman (Banggol Judah) yang turut sama menunaikan solat Aidilfitri bersama sultan. Beliau juga ialah Ahli Mesyuarat Maik.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengimamkan solat Aidilfitri serta membaca khutbah di Masjid Pulau Melaka, dekat rumahnya.

Di KUALA KANGSAR, Sultan Perak, Sultan Azlan Shah, menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri di Masjid Ubudiah, Bukit Chandan, di sini, pagi ini.

Turut menyertai Sultan Azlan ialah Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Habib Mansur;

Beliau kemudian menziarahi makam Diraja sebelum mengadakan rumah terbuka di Istana Iskandariah Bukit Chandan.

Di PEKAN, Sultan Pahang, Tengku Muda Pahang dan Menteri Besar, Tan Sri

Mohd Khalil Yaakob dan beberapa ahli Exco Kerajaan Negeri menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri bersama kira-kira 2,000 umat Islam di Masjid Sultan Ahmad di sini.

Sultan Pahang dan Tengku Muda Pahang turut memberi sumbangan kepada kanak-kanak.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Terengganu dan Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad menunaikan solat itu di masjid Zainal Abidin.

Kebanyakan masjid memulakan solat sunat Aidilfitri kira-kira jam 8.30 pagi.

DI KUCHING, Yang Dipertua Negeri, Tun Ahmad Zaidi Adruce Mohammed Noor bersama kira-kira 2,000 umat Islam menunaikan solat sunat di Masjid India, Jalan Gambier, di sini.

Sementara Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud menunaikan solat bersama kira-kira 5,000 umat Islam di Masjid Negeri, Petra Jaya.

Ketua Menteri bersama keluarga kemudian mengadakan rumah terbuka di Stadium Perpaduan, Petra Jaya, mulai jam 10 pagi hingga 12 tengah hari ini dan mulai jam 2 hingga 5 petang ini.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Sakaran Dandai, menyertai lebih 5,000 umat Islam menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri di Masjid Negeri di Sembulan, pagi semalam.

(END)